



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

11 Sep 2020 (Jumaat)

Berita Harian

Reman empat individu disyaki cemari sungai disambung	1
Pemantauan berterusan bendung liberalism	2

Utusan Malaysia

Perlu serius ambil tindakan saman	3
Longgarkan syarat berniaga	4
IoT atasi kebakaran tanah gambut	5
Reman empat beradik dilanjut lima hari	6
Senaraikan kilang haram di Selangor	7

Harian Metro

Empat beradik disambung reman	8
Hospital curi air	9
MDKL kini MPKL	10
Perit 20 tahun terubat	11

Kosmo

Reman 4 beradik disambung 5 hari	12
----------------------------------	----

Sinar Harian

Jamal 'serang' lagi	13
NGO serah memorandum kepada Muhyiddin	14
Reman empat suspek cemar Sungai Gong dilanjut lima hari lagi	15
'Roboh kilang haram atau Menteri Besar letak jawatan'	16
UMNO persoal tindakan Amirudin beri tempoh pemutihan kepada kilang haram	17

The Star

Clampdown on illegally parked vehicles in neighbourhoods	18
Missing road signs causes confusion	19
Commission of inquiry to address river pollution	20
Costs of cuts	21
Late bill confusion	22

New Straits Times

DA MEN USJ CELEBRATES MERDEKA IN A FUN RIDE	23
---	----

The Sun

Remand on directors in river pollution probe extended	24
Polluting factories are time bombs	25

EdgeProp.my

Water management body to be set up in Federal Territory	26
---	----



KERATAN AKHBAR 11 September 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Reman empat individu disyaki cemari sungai disambung
Muka Surat	:	20

Reman empat individu disyaki cemari sungai disambung

Selayang: Empat pemilik bengkel yang disyaki terbabit dalam pencemaran air di kawasan perindustrian Sungai Gong, Rawang, di sini, disambung reman selama lima hari.

Perintah reman yang bermula hari ini itu dikeluarkan Majistret Nik Mohd Fadli Nik Azlan terhadap semua suspek yang juga adik-beradik.

Terdahulu, keempat-empat suspek lelaki yang memakai baju lokap polis berwarna jingga tiba di mahkamah jam 9.15 pagi.

Mahkamah membenarkan reman terhadap semua suspek disambung hingga Selasa ini.

Permohonan itu dibuat selepas tempoh reman enam hari bermula Sabtu lalu tamat semalam.

Siasatan kes terhadap keempat-empat suspek dilakukan mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 30 tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Seorang pekerja bengkel terbabit berusia 30-an turut direman enam hari, berhubung kejadian sama bermula semalam selepas ditahan di Gombak kelmarin.

* Isnin lalu, dua pekerja masing-masing berusia 20 dan 57 tahun turut direman di mahkamah sama, selama enam hari berhubung kejadian berkenaan.

Media sebelum ini melaporkan, polis menahan empat pemilik bengkel berusia 50 hingga 60 tahun dalam operasi jam 11 malam sehingga 12.30 tengah malam pada 5 September lalu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
11 September 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pemantauan berterusan bendung liberalism
Muka Surat	:	43

Pemantauan berterusan bendung liberalisme

Pemikiran liberalisme yang meletakkan kebebasan dan hak kepada manusia secara mutlak serta pluralisme yang menyamaratakan semua agama boleh mengancam akidah umat Islam.

Apatah lagi dalam suasana dunia di landa globalisasi hingga pelbagai pemikiran baharu dan pascamodenisme masuk ke negara Timur yang sebelum ini belum pulih daripada serangan imperialisme dan orientalisme.

Malaysia antara negara Islam yang memiliki pertahanan ampuh dalam melihara akidah umat Islam berbanding negara lain termasuk negara jiran.

Hal ehwal agama berada di bawah kuasa Sultan yang memiliki institusi agama dan kemuftian, manakala Islam pula termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Antara negeri yang memfatwakan larangan penyebaran fahaman liberalisme dan pluralisme agama ialah Selangor yang mewartakannya pada 31 Julai 2014.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohammed Khusrin Munawi, berkata fatwa itu menyatakan mana-mana individu, pertubuhan atau institusi berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama adalah sesat serta menyeleweng daripada ajaran Islam.

"MAIS dan Jabatan Mufti Negeri Selangor juga melaksanakan program penerangan secara berterusan berkaitan fatwa berkenaan kepada pelajar sekolah, pegawai di jabatan kerajaan dan orang awam," katanya.

Tindakan dan pemantauan berterusan melalui media sosial juga dilaku-

kan bagi membendung penyebaran fahaman liberalisme," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab laporan akhbar yang mendakwa institusi agama (dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia tidak mengambil tindakan dalam mengekang penularan fahaman liberal yang bercanggah dengan Islam.

Mohammed Khusrin berkata, MAIS juga menerbitkan beberapa buku berkaitan kesedaran akidah untuk rujukan orang ramai, malah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sentiasa proaktif melaksanakan aktiviti pemantauan, risikan dan siasatan berterusan termasuk dengan kerjasama orang awam.

Justeru, beliau menasihatkan umat Islam di negeri itu supaya sentiasa berwaspada dan tidak terpengaruh dengan

kepercayaan fahaman yang difatwakan sesat.

"Fatwa itu mengikat semua orang Islam di Selangor untuk mematuhi. Kegagalan mematuhi fatwa berkenaan boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 12 (c) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995.

"Umat Islam juga dinasihatkan supaya menghubungi talian hotline penguatkuasaan JAIS iaitu 1-800-88-2424 untuk sebarang aduan atau maklumat berhubung fahaman liberalisme di negeri ini," katanya.

Beliau berkata, pihaknya bersama JAIS, Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Selangor bekerjasama bagi menangani dan mencegah penyebaran fahaman serta ajaran menyeleweng.



KERATAN AKHBAR
11 September 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Perlu serius ambil tindakan saman
Muka Surat	:	18

Perlu serius ambil tindakan saman

SAUDARA PENGARANG,

SAYA tertarik dengan kesediaan Persatuan Pengguna Kedah (Cake) untuk membantu penduduk Lembah Klang memfailkan saman terhadap pemilik bengkel penyelenggara mesin dan jentera di Rawang yang menyebabkan pencemaran air Sungai Selangor, minggu lalu.

Saman itu boleh dibuat mengikut peruntukan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sebanyak 1,292 kawasan di Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual selama empat hari berikutan berlaku pencemaran air mentah di kawasan Sungai Gong yang bersambung dengan sungai utama yang membekalkan air ke loji rawatan.

Saya yakin kenyataan Cake bukanlah main-main kerana persatuan itu sebelum

ini telah mewakili penduduk dan peniaga yang terjejas akibat Kluster Sivagangga memfailkan saman sivil ke atas pemilik Restoran Salleh di Mahkamah Tinggi Alor Setar bagi menuntut ganti rugi lebih RM1.5 juta susulan penularan Covid-19 di Kedah sejak 28 Julai lalu.

Cuma proses mahkamah tersebut akan melibatkan tempoh panjang. Berikutan itu, siapakah dalam kalangan lima juta pengguna yang terjejas akibat gangguan bekalan air secara tiba-tiba di tujuh daerah sekitar Lembah Klang sanggup naik turun mahkamah dalam tempoh yang lama?

Bersikap seriuslah dalam mengambil tindakan saman ini. Jika ada pihak sanggup berjuang dalam tempoh yang lama di mahkamah, mereka memang hebat dan patut disokong oleh kita dari segi kewangan dan moral.

HAJI SALIM
Rawang, Selangor



ORANG ramai beratur menunggu giliran untuk mengambil bekalan air bersih di Pusat Khidmat Setempat Seksyen 4, Shah Alam, Selangor pada 4 September lalu. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
11 September 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Longgarkan syarat berniaga
Muka Surat	:	19

ADUAN PBT



BERILAH kelonggaran kepada penganggur untuk berniaga di mana sahaja tanpa dikenakan tindakan oleh penguat kuasa PBT. - GAMBAR HIASAN

Longgarkan syarat berniaga

SAUDARA PENGARANG,

PENDEDAHAN Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan baru-baru ini mengenai jumlah penganggur di Malaysia yang mencecah kira-kira sejuta orang memang mengejutkan.

Jumlah besar itu berpunca akibat pemberhentian pekerja kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini termasuk 350,000 graduan yang masih menganggur. Selain itu, 200,000 rakyat tempatan yang bekerja di luar negara terpaksa pulang ke tanah air berikutan pandemik Covid-19.

Bilangan itu bukan kecil dan bagi memudahkan rakyat meraih pendapatan, kerajaan khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu melonggarkan syarat-syarat untuk golongan berkenaan berniaga.

Oleh itu, tindakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjalankan operasi besar-besaran merobohkan gerai yang dibina tanpa kebenaran di Bandar Baru Sungai Buloh pada Ogos lalu tidak harus dicontohi oleh mana-mana pihak.

Walaupun terdapat peruntukan di bawah Seksyen 46(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang memberi kuasa kepada PBT untuk menghapuskan halangan di tempat awam tanpa memberi notis, ia tidak harus dibuat pada masa sekarang.

Berilah kelonggaran kepada golongan penganggur untuk menyara kehidupan disebabkan tempat yang disediakan unruk berniaga seperti pasar tani dan pasar malam agak terhad.

Sikap tidak bertimbang rasa PBT boleh menyebabkan rakyat marah dan parti politik mana yang memerintah sudah pasti akan menjadi mangsa amukan rakyat. Tidak mustahil pada Pilihan Raya Umum Ke-15 nanti, rakyat bertindak memilih kerajaan baharu di peringkat Persekutuan dan negeri semata-mata mahu melepaskan geram.

MAWAR BERDURI
 Shah Alam, Selangor



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

11 September 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	IoT atasi kebakaran tanah gambut
Muka Surat	:	27



TERUSAN yang digunakan untuk memendapkan kawasan berlog di hutan paya gambut agar tidak mudah terbakar.

IoT atasi kebakaran tanah gambut

Oleh FAIRUZ MOHD. SHAHAR

BARU BARU ini, Jabatan Meteorologi Malaysia akan mengalami musim kemarau dalam masa terdekat akibat daripada musim Muson Barat Daya, yang dijangka berterusan hingga pertengahan September. Jabatan Meteorologi juga memperingatkan bahawa seluruh negara akan mengalami taburan hujan yang sedikit, kecuali Sabah.

Sarawak dilaporkan telah mengalami musim kering. Jabatan Rionta dan Penyelaman Miri baru-baru ini menjalankan operasi memadam kebakaran hutan di lima lokasi sekitar bandar tersebut akibat penakutan terbuka dan cuaca panas.

Setiap kali timbulnya musim kemarau, agensi berkaitan seperti Jabatan Rionta dan Penyelaman, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan akan beseap siaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan kes kebakaran hutan.

Hutan paya gambut, khususnya, paling mudah

terbakar dalam cuaca panas kerana ia mengandungi bahan organik yang boleh berubah dan mudah terbakar apabila kering.

Tanah gambut terbentuk daripada sisa-sisa daun dan tumbuhan mati yang terkumpul di dalam takungan air.

Jika seputing rokok teratoh di atas permukaan tanah gambut, ia boleh menyebabkan kebakaran bahkan ia boleh menyebarkan api masuk dengan begitu cepat dan sukar dipadamkan sehingga satu tahap ia boleh menjadi jerebu.

Selain satu kawasan hutan paya gambut di negara ini, Hutan Simpan Raja Musa (HSRM) di Kuala Selangor, memancarkan beberapa kes kebakaran. Ia disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah antaranya kemarau, penakutan tanah untuk tujuan pertanian, penekebunan hutan dan kecauan manusia.

Antara kes kebakaran termasuk pada tahun 2011 apabila anggota bomba



ANTENA LoRa dan stesen cuaca dipasang di menara untuk menghantar data paya gambut melalui IoT secara tanpa wayar.

Sebagai pemeraja projek, UPM menyumbangkan kepakarannya dalam bidang komunikasi tanpa wayar dan perhutanan melalui Pusat Kecekapan Penyelidikan Rangkaian Tanpa Wayar dan Telekom (WPNET) dan Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP), Penyelidik Zakaria, Kementerian UPM, Prof. Dr. Adnan Sali berkata, projek ini bertujuan melaksanakan inovasi teknologi dan solusi untuk komuniti HSRM dalam memelihara ekosistem, menganalisis dan memberi maklumat menggunakan sistem pemantauan hutan gambut beraskan IoT untuk menghadapi kebakaran hutan.

Sepereti yang kita tahu, kebakaran hutan yang tidak terkawal boleh menyebabkan jerebu di dalam negara dan juga antara sempadan.

"Ini segi inovasi sosial, inisiatif ini adalah untuk menjadikan kepada masyarakat setempat bereternanya. Sebagai hutan Gambut Selangor Utara kerana kita mahu mereka terlibat dalam pembangunan dan penggunaan sistem pemantauan beraskan IoT bagi menguruskan tanah gambut."

"Projek ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat dan seterusnya dapat diterapkan di kawasan tanah gambut lain di negara ini," katanya.

Projek ini dibayai oleh Inisiatif Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kebangsaan (NICT) dan ICT Virtual Organization of Asian Institutes (Asean IVO).

Ia diketuai oleh Komuniti Hutan Paya Gambut ASEAN (MAGPA) yang turut disertai oleh Brunei dan Indonesia.

Projek ini membolehkan penyumbangan sistem pemantauan beraskan IoT di kawasan hutan paya gambut di negara-negara ASEAN yang terlibat.

Melalui projek ini, komuniti perhutanan hutan dan para penyedia juga dapat lebih memahami ekosistem hutan paya gambut dengan menganalisis data iklim mikro yang terkumpul.

MIMOS telah memulakan beberapa nod penerima (sensor) di salah satu kawasan berlog tinggi dalam HSRM untuk mengumpul maklumat mengenai keadaan tanah dan sekitarnya.

Terdid pada iklim dan alam sekitar dipasang dengan mengumpul parameter seperti




DR. ADUWATI SALI

suhi udara, kelembapan dan tekanan, tahap pemendakan indeks ultra violet, pencabayan radiasi, kuasa sinaran suria, arah angin dan kelajuan angin.

Penerima untuk mengesan suhu dan kelembapan tanah juga dipasang bersama pemometer elektronik untuk mengukur paras air dalam tanah gambut.

Selain itu, menara trim yang berdekatan telah dilengkapi dengan sensor peranti yang dipanggil 'nod' penerima yang terletak di atas tanah telah disambungkan ke perintang di menara trim. Data mengenai suhu, kelembapan cuaca, kelembapan tanah dan paras air akan dihantar ke aplikasi mudah alih, melibatkan 'nod' hutan boleh memantau keadaan melalui papan pemuka (dashboard). Mereka juga boleh melihat parameter ini menerusi komputer pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Sebagai contoh, jika papan pemuka menunjukkan suhu terlalu panas dan paras air jatuh secara drastik, sistem



PADA penyelidikan UPM dan MIMOS bekerjasama dengan negeri hutan melaksanakan sistem IoT untuk memantau hutan paya gambut bagi mengawal kebakaran hutan.

akan segera memberi amaran bagi memberi laluan kepada manusia untuk campur tangan.

Sistem IoT ini juga mengumpul data iklim mikro di hutan gambut bagi membina perisytihak dan pihak berkepentingan menerima pangkalan data yang berguna untuk meramalkan kajian.

Pegawai perhutanan juga boleh membuat pemantauan menerusi kamera pengawasan.

Secara keseluruhannya, sistem IoT bagi mencegah kebakaran hutan ini mempunyai gabungan platform IoT inovatif

Mi-MIST, penerima dan sambungan tanpa wayar bagi melaksanakan penyelesaian yang berguna berterusan mengatasi masalah kehidupan sebegini.

Platform Mi-MIST juga fleksibel dan digunakan untuk aplikasi dan projek lain seperti pembuatan pintar dan pertanian pintar.

Realitiya, tanah gambut memancarkan gasrang sangat penting untuk ekosistem dan hablapan kita.

Tanah gambut bertindak seperti span gergasi yang menyimpan karbon dan bertindak sebagai pemuliharaan biodiversiti, sistem keseimbangan hidrologi, mitiga banjir serta sumber bekalan air tawar dan produk semula jadi.

Hutan paya gambut juga menjadi habitat kepada haiwan-haiwan terancam seperti burung malabar (Malayan sun bear), harimau kumbang dan tapir, serta membolehkan pokok-pokok unik seperti Xylocopa fulvipes dan perunggag (Crotalaria sp.).

Sepereti hutan-hutan lain, hutan paya gambut menyimpan karbon dioksida dari atmosfera. Karbon ini akan dikunci dalam tanah, bahkan hutan ini menyimpan lebih banyak karbon berbanding jenis-jenis tumbuhan lain.

Terjaga jika hutan paya gambut direbus, dibakar, ditinggalkan dan tanahnya dikeringkan, ia akan melepaskan karbon dioksida yang sangat banyak ke atmosfera dan mengancam ekosistem hutan kita, yang akhirnya memusnahkan pencemaran alam serta kerugian ekonomi dan sosial.



PADA penyelidikan dari UPM, MIMOS, jurutera-jurutera Loronet Technologies dan pegawai resjer hutan dari Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) di hadapan Pusat Kecekmerlangan Hutan Paya Gambut Negeri Selangor.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 11 September 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Reman empat beradik dilanjut lima hari
Muka Surat	:	29

Reman empat beradik dilanjut lima hari

KUALA LUMPUR: Tempoh tahanan reman terhadap empat beradik berhubung siasatan kejadian pencemaran sumber air di Sungai Gong, Rawang, Selangor yang mengakibatkan kira-kira lima juta pengguna sekitar Lembah Klang mengalami gang-

guan bekalan disambung lima hari lagi bermula hari ini.

Perintah lanjutan tahanan reman itu dikeluarkan Majistret Nik Mohd. Fadli Nik Azlan di Mahkamah Majistret Selayang semalam ke atas kesemua suspek lelaki yang juga pengurus

kilang berusia dalam lingkungan 50 tahun hingga 60 tahun sehingga 15 September ini.

Memetik laporan bernama, terdahulu, kesemua mereka dibawa ke Kompleks Mahkamah Selayang pada pukul 9.15 pagi.

Mereka sebelum ini ditahan

reman enam hari sejak Sabtu lalu.

Di mahkamah sama, seorang lagi pekerja lelaki sebuah kilang berusia 30-an ditahan reman enam hari berhubung siasatan kes sama bermula semalam selepas ditangkap di Gombak, kelmarin.

Kesemua mereka ditahan re-

man bagi siasatan kes mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan iaitu bagi kesalahan melakukan khianat dengan mendatangkan bencana terhadap perjalanan tali air sehingga menyebabkan susut bekalan air kepada manusia dan haiwan.



KERATAN AKHBAR 11 September 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Senaraikan kilang haram di Selangor
Muka Surat	:	29

Senaraikan kilang haram di Selangor

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
 utusannews@mediamula.com.my

SHAH ALAM: Kerajaan Negeri Selangor perlu menyenaraikan jumlah kilang yang tidak berlesen dan masih beroperasi di negeri ini.

Dalam masa sama, Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md.Yunos mendesak pihak berkuasa tidak 'memberi muka' kepada pemilik kilang haram terus beroperasi.

"Kilang-kilang tidak berlesen dan masih beroperasi dalam jarak radius dua kilometer dari sungai wajar dihentikan operasi dengan segera.

"Rakyat ingin tahu berapa

jumlah kilang haram yang masih beroperasi dan kerajaan negeri perlu memberi penjelasan berhubung perkara ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui di hadapan Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) hari ini.

Terdahulu, usaha Jamal menyerahkan kertas cadangan memastikan pemeliharaan sungai sebagai sumber bekalan air kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dihalang polis dan tiada wakil Pejabat Menteri Besar menerima kertas cadangan tersebut.

Antara yang terkandung dalam kertas cadangan tersebut adalah meminta Mahkamah

Khas Pencemaran diwujudkan bagi mendakwa penjenayah alam sekitar dengan hukuman berat.

"Penjenayah alam sekitar yang melakukan pencemaran perlu terus ditangkap dan dipenjarakan pada masa akan datang.

"Suatu bon jaminan yang tinggi perlu dikenakan dan boleh dirampas jika pengusaha kilang haram terus mengulangi perbuatan mereka," katanya.

Semalam, Amirudin memaklumkan kerajaan negeri akan meneruskan program pemutihan kilang haram yang dijalankan sejak 2008 sehingga akhir tahun ini sebagai antara usaha memelihara kawasan sungai di negeri ini.



JAMAL Md. Yunos membawa peralatan mandi sebagai simbolik untuk 'dihadiahkan' kepada Menteri Besar di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor, semalam.



KERATAN AKHBAR		
11 September 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Empat beradik disambung reman
Muka Surat	:	8

PENCEMARAN SUNGAI GONG

Empat beradik disambung reman

Kuala Lumpur: Tempoh tahanan reman terhadap empat pengurus kilang yang merupakan adik-beradik berhubung siasatan kejadian pencemaran sumber air di Sungai Gong, Rawang disambung lima hari lagi.

Perintah lanjutan tahanan reman yang bermula semalam itu dikeluarkan Majistret Nik Mohd Fadli Nik Azlan di Mahkamah Majistret Selayang ke atas semua suspek lelaki berumur antara 50 hingga 60 tahun sehingga 15 September ini.

Terdahulu, semua mereka dibawa ke Kompleks Mahkamah Selayang pada jam 9.15 pagi.

Mereka sebelum ini ditahan reman enam hari sejak Sabtu lalu.

Di mahkamah sama, seorang lagi pekerja lelaki sebuah kilang berusia

30-an direman enam hari berhubung siasatan kes yang sama bermula hari ini selepas ditangkap di Gombak, semalam.

Semua mereka ditahan reman bagi siasatan kes mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan iaitu bagi kesalahan melakukan khianat dengan mendatangkan bencana terhadap perjalanan tali air sehingga menyebabkan susut bekalan air kepada manusia dan haiwan.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang daripada lima tahun dan maksimum 30 tahun dengan denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pada Isnin lalu, dua pekerja lelaki sebuah kilang direman enam hari mulai 7 September lalu berhubung kejadian sama. - Bernama



EMPAT pengurus kilang yang disyaki terbabit dalam pencemaran Sungai Gong disambung reman, semalam.



KERATAN AKHBAR
11 September 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Hospital curi air
Muka Surat	:	21



Pusat rehabilitasi swasta salah guna pili bomba

Oleh Raja Noraina
 Raja Rahim
 rnoraina@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Pelik jumlah bil air sebuah hospital rehabilitasi swasta di sini, yang minimum setiap bulan membongkar perbuatan curi air dilakukan hospital berkenaan.

Hospital itu dipercayai mengambil air dari pili bomba di luar premis untuk kegunaan operasi harian sejak dua tahun lalu.

Perbuatan tidak bertanggungjawab itu dibongkar Air Selangor yang melakukan pemeriksaan ke atas bil air premis itu sebelum melaporkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Span) un-

tuk tindakan lanjut.

Eksekutif Kanan Unit Komunikasi Korporat Span Loh Pit Mui berkata, aduan yang diterima mengenai penggunaan air tidak setara dengan operasi premis.

“Bertindak atas aduan itu, Span menjalankan pemeriksaan mengejut di lokasi dan mendapati premis menggunakan bekalan air terus dari pili bomba.

“Premis ini mempunyai meter sah, tapi air hanya disalurkan ke tandas bukan disalurkan ke tangki yang digunakan untuk operasi setiap hari.

“Sebaliknya mereka menggunakan air dari pili bomba untuk operasi harian sedangkan ia hanya boleh digunakan pasukan bomba untuk tujuan memadamkan kebakaran,” katanya ketika

melakukan operasi penguatkuasaan di premis berkenaan, semalam.

Mengulas lanjut, Pit Mui berkata, siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 126(1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga enam bulan, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Ketua Komunikasi Korporat Air Selangor Elina Baseri berkata, pihaknya masih meneruskan siasatan mengenai penggunaan air di premis itu.

“Berdasarkan rekod bil, kami syaki premis melakukan perbuatan itu sejak Julai 2018 membabitkan penggunaan 58,000 meter padu dengan jumlah kerugian RM134,000,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

11 September 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	MDKL kini MPKL
Muka Surat	:	22

MDKL kini MPKL

Kuala Langat: Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) kini dinaik taraf sebagai Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) selepas mendapat perkenan daripada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Yang Dipertua MPKL, Datuk Amirul Azizan Abd Rahim berkata, usaha naik taraf status daerah kepada perbandaran dimulakan

sejak 2007 dan pewartaan perakuan status baharu itu dibuat pada 1 Mac lalu.

“Kejayaan MPKL mendapat perakuan untuk naik taraf sebagai sebuah majlis perbandaran adalah hasil kerja keras yang memakan tahun untuk direalisasikan bagi meyakinkan kerajaan negeri dan seterusnya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT),” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 11 September 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Perit 20 tahun terubat
Muka Surat	:	35

HARIAN METRO
JUMAAT 11 SEPTEMBER 2020

PgP | 35

RUMAH PERTAMAKU

Oleh Nurul Husna Mahmud
 nurul_husna@hmetro.com.my

Mengakui serik apabila melakukan pembelian tanpa teliti dan tinjauan rapi mengenai projek perumahan menjadi pengajaran buat penjawat awam. Sharudin Ismail apabila kediaman dibelinya hampir 20 tahun lalu terbenkakai.

Kata Sharudin, kediaman dua tingkat mencecah nilai lebih RM100,000 ketika itu dibeli bersama isteri, Salmiah Hamdan, 46, terbenkakai sejak 2006 lalu sepatutnya menjadi kediaman pertama didiami selepas berkahwin.

"Sebenarnya saya beli rumah ini selepas gaji isteri tidak mencukupi untuk menampung syarat layak pembiayaan bank bagi membeli unit kediaman itu. "Saya hanya bersetuju kerana memikirkannya sudah bertunang ketika itu selain mencari kediaman sesuai. Namun tidak sangka projek itu terbenkakai disebabkan pemaju tidak menyalakannya selain masalah mendapan tanah teruk membolehkan unit rumah sudah siap

"Unit kami sudah siap cumanya tidak selamat diduduki kerana ada sebahagian unit sudah mendap hingga tiga kaki dan menyebabkan struktur rumah teruk," katanya.

Kata Sharudin, untuk memiliki kediaman selepas hartanah pertama terbenkakai bukan mudah

PERIT 20 TAHUN TERUBAT

Kediaman dibeli tanpa kajian teliti terbenkakai sehingga dipulihkan semula dan layak diduduki

FOTO: HIANI/UMAM/AGAMEN BERSEKUTAN



RUMAH yang siap dibaik pulih dan sedia diduduki.

berikutan ketika ini menyewa di lokasi selain anak bersekolah selain saya dan isteri berulang alik dari tempat kerja.

"Rumah ini dilengkapi dengan peralatan dan perkakas seperti kabinet, set televisyen, penghawa dingin dan lain-lain. Ini boleh membantu mengurangkan bebanan kos baik dari segi kemudahan seperti kabinet mahupun perabot bagi rumah baharu," katanya.

Malah dia turut menasihati bakal pemilik kediaman supaya membuat kaji selidik rapi termasuk latar belakang pemaju bagi menjamin isu memabitkan kediaman terbenkakai tidak dihadapi mereka.



Sehinggal kabinet dan dapur.



PEMANDANGAN udara projek Rumah Idaman Warisan.



RUPA baharu dengan kemasan lebih tegap.



IDAMAN Warisan beri harapan baharu pemilik kediaman.

Banyak yang saya dan isteri hadapi bagi pembelian rumah pertama gagal disiapkan pemaju. Boleh dikatakan saya agak serik untuk membuat pencarian atau pembelian rumah baharu setelah melalui pengalaman itu

SHARUDIN



yang dulunya projek perumahan Taman Arcadia, membantu pemilik seperti mempunyai aset baik sebagai pelaburan mahu pun untuk didiami.

"Saya bersyukur kediaman baharu juga bukan sahaja strukturnya lebih baik dan selamat, namun terdapat beberapa nilai tambah diberikan sekaligus membantu meringankan beban pemilik.

"Rumah ini lebih kepada rumah persinggahan dan mungkin akan diduduki apabila bersara kelak



KEADAAN bilik dan dapur, lumpur.



KEADAAN sebelum diambil alih.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
11 September 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Reman 4 beradik disambung 5 hari
Muka Surat	:	9

Bantu siasatan kes pencemaran sungai, punca 5 juta pengguna terjejas bekalan air

Reman 4 beradik disambung 5 hari



JAMAL (depan) membawa peralatan mandi sebagai tanda protes terhadap masalah gangguan bekalan air ketika hadir ke Bangunan SSAAS di Shah Alam semalam.

Oleh **NUZULSHAM SHAMSUDDIN**
 dan **ABDUL RAZAK IDRIS**

SELAYANG – Tempoh tahanan reman terhadap empat pengurus kilang yang juga adik-beradik berhubung kes pencemaran air di kawasan perindustrian Sungai Gong, Rawang dilanjutkan lima hari lagi sehingga Selasa depan.

Perintah lanjutan reman yang bermula hari ini dikeluarkan oleh Majistret Nik Mohd. Fadli Nik Azlan semalam terhadap keempat-empat suspek berusia antara 50 hingga 60 tahun.

Siasatan kes terhadap keempat-empat lelaki terbabit dijalankan mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan kerana melakukan khianat sehingga menyebabkan susut bekalan air kepada manusia dan haiwan.

Jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 30 tahun atau denda atau kedua-dua sekali.

Sabtu lalu, keempat-empat suspek direman bagi membantu siasatan kes itu selepas tangkapan dibuat di kediaman mereka selain ditahan ketika hadir di Balai Polis Daerah Gombak.

Di mahkamah sama, seorang lagi lelaki berusia 30-an yang merupakan pekerja kilang terba-



KERATAN Kosmo/ 6 September 2020.

bit direman selama enam hari bermula semalam selepas ditangkap di Gombak kelmarin.

Isnin lalu, dua pekerja masing-masing berusia 20 dan 57 tahun turut direman di mahkamah sama selama enam hari berhubung kejadian itu.

Kosmo! pada Sabtu lalu melaporkan, kira-kira 5 juta penduduk Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air selama beberapa hari apabila operasi di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 serta Rantau Panjang terpaksa dihentikan akibat pencemaran di Sungai Selangor.

Pencemaran air itu disyaki berpunca daripada sisa minyak hitam dari sebuah kilang jentera berat di Rawang yang mengalir ke longkang dan bersambung ke Sungai Gong sebelum memasuki

Sungai Selangor.

Di Shah Alam, Kerajaan Selangor didesak supaya tidak lagi memberi sebarang tempoh kepada mana-mana pemilik kilang haram bagi melaksanakan proses pemutihan premis mereka.

Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md. Yunus berkata, semua kilang haram yang beroperasi dalam lingkungan dua kilometer dari sungai perlu dihentikan operasi.

"Rakyat juga ingin tahu berapa jumlah kilang haram yang masih beroperasi. Senaraikan jumlahnya," katanya selepas hadir ke Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) semalam.

Kehadirannya bagi menyerahkan kertas cadangan pemeliharaan sungai kepada Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari.



KERATAN AKHBAR		
11 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Jamal 'serang' lagi
Muka Surat	:	8

Jamal 'serang' lagi

Kerajaan negeri Selangor digesa tidak memberikan tempoh pemutihan kepada kilang haram

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Kerajaan negeri Selangor digesa tidak memberi sebarang tempoh kepada mana-mana pemilik kilang haram bagi melaksanakan pemutihan premis masing-masing.

Ketua UMNO Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunos berkata, kilang-kilang tidak berlesen dan masih beroperasi dalam jarak radius dua kilometer dari sungai wajar dihentikan operasi dengan segera.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga perlu menyenaraikan jumlah kilang-kilang yang tidak berlesen dan masih beroperasi di Selangor.

"Rakyat ingin tahu berapa jumlah kilang haram yang masih beroperasi dan kerajaan negeri perlu memberi penjelasan berhubung perkara itu," katanya.

Jamal berkata demikian kepada



Jamal hadir ke Bangunan SSAAS di Shah Alam dengan membawa tuala dan gayung bagi menyerahkan kertas cadangan pemeliharaan sungai kepada Amirudin semalam. Gambar kecil: Amirudin Shari.

pemberita sewaktu hadir ke Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) semalam bagi menyerahkan kertas cadangan dalam memastikan pemeliharaan sungai kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Jamal hadir bersama peralatan mandi yang digunakannya sewaktu demonstrasi serupa tiga tahun lalu.

Bagaimanapun, kehadiran beliau dihalang sekatan polis dan tiada wakil Pejabat Menteri Besar menerima kertas cadangan tersebut.

Sebelum ini, Amirudin memaklumkan kerajaan negeri Selangor akan meneruskan program pemutihan kilang haram yang dijalankan sejak tahun 2008 lalu sehingga akhir tahun ini sebagai usaha memelihara kawasan sungai di negeri ini.

